

01/02/2003

2,000 pelajar KUTPM, PTPL sertai perhimpunan keamanan

Khairina Yasin

SERAMAI 2,000 pelajar Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KUTPM) dan Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL) akan menyertai Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia di Stadium Bukit Jalil, pada 23 Februari ini.

Presiden KUTPM, Prof Datuk Mohd Shukri Ab Yajid, mengumumkan demikian pada majlis Praperhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia dan aku janji kehadiran mahasiswa dua institusi pengajian tinggi (IPT) swasta itu, kelmarin.

Dengan pengumuman itu, KUTPM dan Kolej PTPL muncul IPT pertama menyertai program Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia).

Katanya, komitmen itu membuktikan warga KUTPM dan Kolej PTPL menyokong kempen yang dijalankan Aman Malaysia serta menghargai nilai perpaduan kaum dan keharmonian agama di negara ini.

Beliau yang juga Presiden Kolej PTPL berkata, warga dua IPT swasta itu menghormati dan menghayati objektif kempen Aman Malaysia, iaitu keadilan tanpa prejudis atas keinsafan bahawa inisiatif keamanan sejagat yang komprehensif, berkekalan dan adil harus disokong tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan latar belakang.

"Sehubungan itu, kami menyeru supaya seluruh rakyat Malaysia, termasuk warga semua IPT menyahut seruan murni Aman Malaysia dengan menyertai Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia pada 23 Februari ini," katanya pada sidang akhbar selepas majlis itu.

Hadir sama Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM) yang juga Setiausaha Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia, Norizan Shariff.

Terdahulu, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUTPM, Ahmad Rizal Azhar dan Yang Dipertua MPP Kolej PTPL, Nurul Jannah Long, menyampaikan surat aku janji kehadiran pelajar dua IPT swasta itu ke perhimpunan berkenaan kepada Norizan.

Pada majlis sama, Mohd Shukri mengumumkan kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia akan dijalankan di dua IPT swasta itu di seluruh negara, mulai kelmarin hingga 14 Februari ini.

Semua tandatangan itu akan diserahkan kepada Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar sempena program Siri Bicara Tokoh KUTPM pada 15 Februari ini.

Beliau menjelaskan, KUTPM dan Kolej PTPL bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa penyelesaian mutlak kepada masalah keganasan harus bermula dengan mengenal pasti punca sebenarnya.

Katanya, salah faham serta prejudis yang mendorong kepada tindakan ganas boleh dicegah dan dibendung dengan memupuk persefahaman dan sikap toleransi antara kaum, agama dan budaya.

Sehubungan itu, beliau berkata, institusi pendidikan juga perlu memainkan peranan memupuk sifat menghormati antara satu sama lain, bukan menyerahkan tugas itu kepada kerajaan semata-mata.

"Budaya persefahaman dan toleransi ini hendaklah dijelmakan dalam kampus dengan menggalakkan penyertaan pelajar pelbagai kaum sama ada dari segi enrolmen mahupun pelaksanaan kegiatan akademik dan kokurikulum," katanya.

Sementara itu, Norizan dalam ucapannya memuji usaha dua IPT swasta itu untuk turut sama menyertai Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia anjuran Aman Malaysia.

Katanya, usaha itu harus dijadikan contoh dan ikutan IPT lain di negara

ini bagi memastikan usaha kerajaan terus mendapat sokongan padu daripada rakyat.